

KENYATAAN MEDIA

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

HASiL/2025/08/15 – 68

HASiL PERMUDAH URUSAN PERCUKAIAN

MENERUSI E-KOMPAUN

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) menyambut baik inisiatif yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13), khususnya dalam usaha memperkukuh ekosistem digital bagi merencanakan transformasi digital negara. Terkini, HASiL telah melancarkan sistem perkhidmatan dalam talian baharu, **e-Kompaun** bagi memudahkan urusan percukaian majikan dan pembayar cukai syarikat. Majlis pelancaran e-Kompaun telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Dr. Abu Tariq Jamaluddin, Ketua Pegawai Eksekutif HASiL, sempena Konvensyen Undang-Undang 2025.

e-Kompaun merupakan sistem baharu yang boleh diakses oleh majikan dan pembayar cukai syarikat melalui portal MyTax mulai 30 Jun 2025. Menerusi platform ini, sistem e-Kompaun membolehkan majikan dan pembayar cukai syarikat menyemak, mengemukakan permohonan serta membuat bayaran kompaun secara sendiri dalam talian bagi kegagalan mematuhi peruntukan di bawah Kaedah 10 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Daripada Saraan) 1994, iaitu kelewatan pembayaran Potongan Cukai Bulanan (PCB) pekerja atau arahan potongan cukai (CP38) pekerja; dan kegagalan mematuhi peruntukan di bawah subseksyen 107C (2) Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967 berkaitan dengan

Ms | 1

kelewatan atau kegagalan mengemukakan anggaran cukai syarikat dalam Borang CP204.

Berdasarkan prosedur sedia ada, sekiranya kegagalan tersebut disahkan oleh pihak HASiL, majikan dan pembayar cukai syarikat akan menerima notis bertulis Pemberitahuan Memulakan Tindakan Pendakwaan (PTP) yang dihantar secara pos. Majikan dan pembayar cukai syarikat yang ingin memohon membuat penyelesaian melalui kompaun dikehendaki menghubungi atau hadir ke Pejabat HASiL bagi mendapatkan Bil Kompaun sebelum sebarang pembayaran dibuat.

Bagi memudahkan semakan, notis PTP kini boleh disemak secara dalam talian melalui portal MyTax. Permohonan kompaun juga boleh dibuat secara dalam talian dan Bil Kompaun akan dikeluarkan terus melalui platform tersebut tanpa perlu hadir secara fizikal ke Pejabat HASiL. Sebagai rujukan, dokumen berkaitan e-Kompaun boleh diakses dan dimuat turun dengan mengikuti panduan mudah yang berikut:

- a. Layari portal MyTax di <https://mytax.hasil.gov.my>;
- b. Klik Menu **Daftar Masuk > Perkhidmatan ezHasil > e-Kompaun**

HASiL optimis pelaksanaan sistem e-Kompaun ini dapat memperkukuh penguatkuasaan pematuhan cukai secara lebih telus, efisien dan responsif sekali gus merealisasikan agenda Malaysia Digital 2030.

Sebarang pertanyaan serta maklum balas, sila hubungi kami menerusi:

- a) Hasil Contact Centre (HCC) di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; dan
- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi HASiL di pautan pantas <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/>

SEKIAN, TERIMA KASIH.

RISE BEYOND LIMITS

Dikeluarkan oleh:

Jabatan Khidmat Korporat

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 15 Ogos 2025

LAMPIRAN

MyTax e-Kompaun

Go Live 30 Jun 2025

Jenis Kesalahan

- Lewat bayar PCB (PTP CP650)
- Lewat bayar CP38 (PTP CP650B)
- Lewat kemukakan anggaran CP204 (PTP CP213)

Perkhidmatan sepenuhnya secara layan diri

Platform yang membolehkan pembayar cukai menyemak, membuat permohonan dan pembayaran kompaun secara dalam talian bagi kesalahan lewat membayar PCB/CP38 dan lewat mengemukakan anggaran cukai CP204

MyTax >> Daftar masuk >> Perkhidmatan ezHasil >> e-Kompaun



YBhg. Datuk Dr. Abu Tariq Jamaluddin, KPE HASiL (tengah) menyempurnakan gimik pelancaran e-Kompaun dan turut disaksikan oleh YBrs. Puan Norfaidah Daud, TKPE (Dasar), Puan Zaleha Adam, Pengarah Jabatan Undang-Undang dan Ts. Ahmad Sauqi Ishak, Pengarah Jabatan Digital sempena Konvensyen Undang-Undang 2025.